



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 2/2020**

**PIHAK BERKUASA PERANCANGAN UNTUK TUJUAN-TUJUAN PECAH
SEMPADAN, PECAH BAHAGIAN DAN PENYATUAN TANAH**

**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
Putrajaya
2020**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2020

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 2 /2020
Disediakan oleh	Bahagian Dasar dan Konsultasi, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Putrajaya
Telefon	03-8871 2669
Faks	03-8881 0802
E-mel	bdk@jkptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	17 Julai 2020

Kawalan Versi Dokumen

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan

**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 2/2020**


**PIHAK BERKUASA PERANCANGAN UNTUK TUJUAN-TUJUAN PECAH
SEMPADAN, PECAH BAHAGIAN DAN PENYATUAN TANAH**

Pekeliling ini dikeluarkan bagi menasihati semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri serta Pentadbir-pentadbir Tanah mengenai penggunaan Borang- borang 9A, 9B dan 9C Kanun Tanah Negara berhubung dengan tindakan oleh sesuatu Pihak Berkuasa Perancangan selaras dengan Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2001 [Akta A1129].

2. Dimaklumkan bahawa Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] telah dipinda melalui Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2001 [Akta A1129]. Akta A1129 telah membuat pindaan kepada seksyen 5 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dimana kuasa untuk merancang sesuatu kawasan tanah dalam Negeri untuk tujuan pembangunan adalah terletak pada Pihak Berkuasa Negeri. Dalam sesuatu kawasan Kerajaan Tempatan, kuasa ini akan dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, kerana Pihak Berkuasa Negeri telah dengan peruntukan undang-undang mewakilkan kuasanya kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan. Walau bagaimanapun bagi sesuatu kawasan di luar kuasa Pihak Berkuasa Tempatan, Pengarah Negeri ditafsirkan di bawah seksyen 2 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 sebagai Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri.

3. Sehubungan itu, semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Pentadbir Tanah dipohon mengambil perhatian bahawa ruangan perakuan Pihak Berkuasa Perancangan di Borang-borang 9A,9B dan 9C hanya diisi apabila pelan-pelan yang dikemukakan masih belum memperolehi kelulusan daripada Pihak Berkuasa Perancangan. Bagi pelan-pelan yang telah memperolehi kelulusan Pihak Berkuasa Perancangan, ruangan perakuan tersebut dalam Borang-borang 9A,9B dan 9C tidak perlu diisi. Semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Pentadbir Tanah dengan ini dinasihatkan supaya mengambil perhatian mengenai kuasa-kuasa Pihak Berkuasa Perancangan yang diterangkan di perenggan-perenggan di atas dan memastikan penggunaan yang betul bagi Borang-borang 9A,9B, dan 9C.

4. Pekeliling KPTG Bil. 24/1976 (Disemak 2009) adalah dengan ini dibatalkan. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.



**(DATO' AHMAD ZAHARIN BIN MOHD SAAD)
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**

No. Fail : JKPTG/950/100-1/7/1Jld.5(2)

Tarikh : 17 Julai 2020